

05 JUN 1998

Agong-Keputeraan

AGONG GESA RAKYAT TINGKATKAN PRODUKTIVITI DAN BANTU PULIHKAN EKONOMI

KUALA LUMPUR, 5 Jun (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar menggesa rakyat supaya terus berusaha meningkatkan lagi produktiviti di samping memberi sokongan padu kepada kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk memulihkan ekonomi negara.

Sekarang bukanlah masa bagi rakyat berputus asa dan membiarkan nasib negara ditentukan kuasa asing, titah baginda dalam ucapan sempena ulangtahun keputeraan rasmi baginda melalui RTM malam ini.

"Sukacita Beta menyatakan di sini bahawa Beta amat berpuashati dengan segala usaha untuk memulihkan ekonomi negara yang sedang dijalankan kerajaan Beta di bawah pimpinan Perdana Menteri.

"Beta percaya dan yakin bahawa segala langkah berani dan tegas yang diambil kerajaan akan membawa kejayaan kepada rakyat dan negara, Insyallah," titahnya.

Tuanku Ja'afar juga amat gembira dengan sokongan yang diberi rakyat terhadap segala usaha kerajaan setakat ini dan mengingatkan rakyat supaya bersedia untuk berkorban dan berjimat.

"Kita tidak boleh lagi berbelanja seperti dahulu dan sebaliknya harus mempertingkatkan tabungan negara untuk memantapkan lagi jumlah simpanan negara. Beta juga berharap agar semua rakyat bersabar menghadapi dugaan ini," titah baginda.

Seri Paduka menarik perhatian bahawa masalah yang disebabkan tindak-tanduk pihak asing yang menjatuhkan nilai mata wang ringgit dan juga juga harga saham di pasaran saham bukan sesuatu yang dapat dijangkakan.

"..namun kita harus mengambil iktibar daripada kemelut yang dihadapi ini untuk dijadikan pengajaran bagi kita," titah baginda.

Tuanku Ja'afar turut mengingatkan bahawa baginda telah menyatakan dua tahun lepas juga dalam ucapan sempena hari keputeraannya bahawa kekuatan sesuatu negara bukan terletak pada jumlah angkatan tentera tetapi pada tahap kemajuan dan kekuatan ekonomi.

Kebenaran perkara itu ternyata hari ini apabila kekuatan ekonomi pihak asing berjaya digunakan untuk menindas ekonomi negara membangun seperti Malaysia dan merosakkan segala kemajuan yang dicapai negara dan rakyat selama ini, titahnya.

Seri Paduka turut menegaskan bahawa dalam keadaan negara menghadapi masalah kegawatan ekonomi, adalah penting bagi semua pihak mengekalkan perpaduan sedia ada dan jangan cuba mengeruhkan lagi keadaan dengan menimbulkan perasaan syak wasangka terhadap satu sama lain.

"Sekarang bukanlah masanya bagi kita untuk mementingkan diri kita sahaja. Kita seharusnya terus bantu-membantu antara satu sama lain dalam mengharungi masalah yang dihadapi kerana hanya dengan bersatu padu barulah masyarakat kita akan menjadi kuat," titahnya.

Seri Paduka berharap sikap sensitif dan peka terhadap adat resam dan agama di antara masyarakat berbilang kaum dapat dikekalkan dan dipertingkatkan lagi agar negara akan terus aman dan makmur.

Tuanku Ja'afar turut menasihatkan rakyat yang kehilangan pekerjaan supaya bersabar dan merebut peluang yang ada tanpa mengambil sikap terlalu memilih.

Kegawatan ekonomi tidak boleh dijadikan sebab untuk tidak berusaha malah ia harus menjadi dorongan untuk bekerja dengan lebih gigih lagi.

Rakyat juga harus memberi perhatian kepada isu-isu sosial yang sering dikaitkan dengan keruntuhan ekonomi dan mengelakkannya daripada menular dan

menghancurkan masyarakat, titahnya.

Dalam ucapannya, Tuanku Ja'afar turut mengingatkan rakyat supaya memberi sokongan padu kepada Sukan Komanwel yang akan berlangsung di Kuala Lumpur September ini.

"Mata dunia akan beralih kepada Malaysia. Inilah masanya bagi kita menonjolkan kepada dunia bahawa kita adalah masyarakat yang progresif dan bertamadun," titahnya.

Di samping memenuhi stadium acara sukan, Seri Paduka meminta rakyat supaya menjaga diri daripada melakukan perkara yang boleh memburukkan imej rakyat Malaysia khususnya daripada aspek kebersihan.

Tuanku Ja'afar juga berbangga dengan komitmen rakyat khususnya sukarelawan yang telah menawarkan khidmat mereka untuk menjayakan temasya sukan itu nanti.

-- BERNAMA

TCL RON